

25/04/2003

Pengawal peribadi PM meninggal dunia

KUALA LUMPUR: Pengawal peribadi Perdana Menteri, Koperal Yusof Ibrahim, 54, meninggal dunia akibat asma, malam tadi.

Beliau yang berkhidmat dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak 26 tahun lalu, meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Putrajaya, kira-kira jam 10.30 malam tadi.

Allahyarham diserang asma ketika berehat bersama keluarga di rumahnya di Taman Seri Serdang dekat sini. Allahyarham meninggalkan isteri, Rosmi Muhamad dan sembilan anak.

Allahyarham adalah pengawal peribadi paling lama berkhidmat dengan Perdana Menteri, iaitu sejak Dr Mahathir masih menjadi Menteri Pendidikan pada 1977.

Jenazah Allahyarham akan dikebumikan hari ini.